

TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN BERKAITAN SISTEM MyRESULTS

Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan

Perkara Utama

- | | |
|--|--|
| Apa yang diaudit? | <ul style="list-style-type: none">• Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian berkaitan Sistem MyResults yang dilaksanakan di Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan. |
| Mengapa ia penting untuk diaudit? | <ul style="list-style-type: none">• Menentukan bayaran balik kos pembaharuan lesen perisian berkaitan Sistem MyResults adalah teratur dan mematuhi peruntukan undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa. |
| Apa yang ditemui Audit? | <ul style="list-style-type: none">• Penemuan Audit adalah seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">- Tuntutan kos pembaharuan lesen perisian berjumlah RM4.30 juta tidak wajar dibayar oleh Kerajaan berdasarkan perkara berikut:<ul style="list-style-type: none">▪ pembayaran kos pembaharuan lesen perisian selepas bayaran muktamad tanpa perjanjian baharu ditandatangani;▪ Mesyuarat Penyelesaian Tuntutan tidak teratur dan tanpa punca kuasa yang sah; dan▪ dokumen tuntutan bayaran balik kos pembaharuan lesen perisian tidak disahkan oleh pegawai teknikal. |

Syor Audit

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - memperkemaskan pemantauan terhadap pentadbiran kontrak, terutamanya projek yang telah diluluskan pelanjutan tempoh masa;
 - mendapatkan pandangan Peguam Cara Perbendaharaan semasa mengendalikan tuntutan yang tiada dalam mana-mana peruntukan kontrak untuk menjaga kepentingan Kerajaan; dan
 - sebarang tuntutan bayaran berkaitan projek ICT yang di luar tempoh sah perjanjian perlu dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek.